



SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2018/11/74 (HQ)

PANDUAN KESELAMATAN ELEKTRIK SEMASA CUTI SEKOLAH

Bersempena cuti persekolahan hari ini, ibu bapa atau penjaga disaran supaya menasihatkan anak-anak mereka menjauhi kawasan larangan Tenaga Nasional Berhad (TNB) bagi mengelak sebarang kejadian yang tidak diinginkan.

Ketua (Perhubungan Awam & Dalaman) TNB, Datuk Ir. Mohd Aminuddin Mohd Amin menegaskan orang awam adalah dilarang berada di kawasan premis TNB di mana notis makluman potensi risiko kejutan elektrik dipasang.

“Jauhi dari mencerooboh kawasan pencawang atau pemasangan TNB yang dipasang notis tersebut bagi mengelakkan risiko renjatan serta pancaran arka (flashover) dari arus bervoltan tinggi.

“Selain kecederaan serius dan kehilangan nyawa, ia juga boleh mengakibatkan kerosakan harta benda dan gangguan bekalan kepada pengguna,” jelas Ir. Mohd Aminuddin.

Bagi kawasan berdekatan talian atas bervoltan tinggi, antara aktiviti yang tidak dibenarkan adalah bermain layang-layang dan permainan helikopter, *drone* atau kapal terbang kawalan jauh.

Membawa peralatan panjang seperti galah di bawah talian dan memancing di kolam atau tasik di bawah talian juga mengundang risiko yang sama, katanya.

Beliau turut menasihatkan ibu bapa supaya memastikan anak masing-masing tidak menyentuh atau menghampiri kabel yang terputus akibat pokok tumbang, terutamanya ketika hujan bagi mengelakkan kemungkinan renjatan elektrik.

Selaku syarikat yang prihatin terhadap aspek keselamatan elektrik, TNB sering melaksanakan kempen keselamatan elektrik sebagai usaha jangka panjang bagi mengurangkan kemalangan elektrik.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 23 November 2018, jam 3.00 petang

Sebarang pertanyaan media, sila hubungi Norfadzilah Sha'ary di talian 019-3369681 /
Fazreen Eksan di talian 019-3160401 atau e-mel ke media@tnb.com.my